

**PERANAN BAITULMAL DALAM PENDIDIKAN ASNAF: KAJIAN DI
 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

*The Roles of Baitulmal in Asnaf Education: Case Study at Federal Islamic
 Religious Council*

Azman Ab Rahman¹

¹Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
 azman@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Pendidikan merupakan sebuah elemen penting dalam pembangunan modal insan dan kemandirian ekonomi seseorang individu. Salah satu faktor kemiskinan yang melanda masyarakat adalah kerana gagal mendapatkan pendidikan yang sempurna. Sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana zakat, Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berusaha untuk memastikan pembangunan asnaf dapat dicapai sehingga mampu mengeluarkan diri mereka daripada kepompong kemiskinan. Timbul persoalan mengenai peranan yang dimainkan oleh Baitulmal MAIWP dalam usaha mempertingkatkan taraf hidup asnaf melalui aspek pendidikan dan skim-skim yang ditawarkan kepada asnaf bagi mencapai tujuan tersebut. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti bentuk skim-skim agihan yang disediakan oleh Baitulmal MAIWP dalam rangka pembangunan pendidikan di Wilayah Persekutuan di samping melihat dan menilai skim-skim tersebut sama ada telah menepati atau melengkapinya kesemua elemen yang diperlukan oleh asnaf bagi menjamin keberhasilan dan perkembangan pendidikan mereka sekali gus mencadangkan sebuah skim baharu yang boleh dipertimbangkan.</p>	<p>Education is an important element in human capital development and individual economic survival. One of the poverty factor in which people are failing to get proper education. As an institution that manages funds for charity, Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) seeks to ensure that development can be achieved so that recipients are able to remove themselves from poverty. Questioned arise about the role played by Baitulmal MAIWP in an effort to improve the living standards of recipients through education and schemes are offered to the recipients in order to achieve those objectives. Therefore, this study was undertaken to identify the schemes prepared by the Baitulmal MAIWP within the framework of the development of education in the Federal Territory as well as view and evaluate such schemes have either been fulfilled or complete all the elements required by recipients to ensure the success and development of their education at the same time propose a new scheme that may be considered. Research methodology in this study is a qualitative study, which is documented using deductive and inductive referred to manuals and zakat's report. The study found that Baitulmal MAIWP has implemented various initiatives in offering assistance to recipients through</p>

Metodologi penyelidikan dalam kajian ini adalah secara kualitatif yang merupakan kajian dokumentasi yang menggunakan kaedah deduktif dan induktif dengan merujuk manual dan laporan zakat. Hasil kajian mendapati bahawa Baitulmal MAIWP telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menawarkan bantuan kepada asnaf melalui skim-skim bantuan seperti bantuan am pelajaran IPT, bantuan am biasiswa insentif khas pelajar cemerlang, bantuan am persekolahan dan lain-lain. Namun, kajian mendapati terdapat ruang penambahbaikan dan mencadangkan sebuah bentuk agihan yang baharu dengan menubuhkan sebuah institusi pendidikan asnaf yang dibiayai sepenuhnya melalui dana zakat bagi mengelakkan berlakunya keciciran pendidikan di kalangan asnaf. Diharapkan kajian ini mampu memberikan gambaran terhadap bentuk pengurusan zakat yang baharu. Kajian susulan perlu dijalankan terutamanya untuk mengenal pasti kekangan atau masalah yang mungkin dihadapi dalam menjayakan penubuhan institusi pendidikan asnaf ini.

Kata Kunci : Skim, Zakat, Asnaf, Pendidikan, Baitulmal

schemes such as educational aid for institutions of higher education phase, general scholarships for outstanding students of special incentives and others. However, the study found that there is an area for improvements and propose a new form of distribution to the recipients to set up an educational institution that is fully funded through zakat funds to prevent dropout of education among the recipients. It is expected that this study can give the impression of a new form of zakat management. Follow-up studies should be conducted primarily to identify the constraints or problems that may be encountered in the success of the establishment of the recipients of this education institution.

Keyword(s): Scheme, Zakat, Asnaf, Education, Baitulmal

PENDAHULUAN

Baitulmal merupakan institusi harta dan kewangan induk dalam negara Islam. Baitulmal menurut pandangan al-Mawardi ialah tempat merekodkan pembahagian dan pengumpulan harta. Lebih tepat lagi baitulmal dimaksudkan sebagai perbendaharaan negara yang menerima dari pelbagai sumber kewangan dan harta secara terkumpul oleh negara Islam seperti zakat, harta wakaf, cukai dan lain-lain (Hailani Muji Tahir, 2007).

Penggunaan dana baitul mal adalah meluas dan mencakupi pelbagai manfaat dan kebajikan umum serta pembangunan fizikal negara. Oleh itu, dana baitulmal boleh digunakan untuk membina masjid, membina jalan raya, membina sekolah, menyelenggara keperluan kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Manakala asnaf pula adalah antara golongan yang berhak ke atasnya dana bersumberkan daripada baitulmal untuk pelbagai keperluan

khususnya pendidikan yang dilihat menjadi aspek terpenting bagi seseorang individu demi kelangsungan sebuah kehidupan.

Kajian ini secara khususnya adalah untuk mengenalpasti peranan institusi baitulmal dalam pendidikan asnaf di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang merangkumi bentuk skim-skim agihan yang disediakan oleh Baitulmal MAIWP dalam rangka pembangunan pendidikan di Wilayah Persekutuan di samping melihat dan menilai skim-skim tersebut sama ada telah menepati atau melengkapinya kesemua elemen yang diperlukan oleh asnaf bagi menjamin keberhasilan dan perkembangan pendidikan mereka sekali gus mencadangkan sebuah skim baharu yang boleh dipertimbangkan.

METODE KAJIAN

Metodologi penyelidikan yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah secara kualitatif yang merupakan kajian dokumentasi yang menggunakan kaedah induktif dengan merujuk manual dan laporan zakat. Pengumpulan data dalam kaedah kualitatif adalah melalui kajian perpustakaan. Penyelidikan secara kualitatif ini bertujuan untuk memahami secara mendalam fenomena berkaitan persoalan kajian (Merriam, 2002). Metode penyelidikan secara kualitatif ini juga bertujuan untuk meneroka penyelidikan sarjana berkaitan peranan, skim dan bentuk bantuan zakat yang diberikan oleh institusi baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kepada golongan asnaf dari aspek pendidikan yang diharap mampu mempertingkatkan taraf hidup mereka di masa hadapan.

Metode Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data dalam penyelidikan ini ialah melalui kajian perpustakaan (*library research*). Data melalui kaedah ini diperolehi dengan melakukan kajian ke atas rekod dan dokumen-dokumen bertulis. Antara bahan atau dokumen dan rekod yang dirujuk adalah bahan bacaan yang berkaitan dengan zakat, kajian-kajian lepas, laporan institusi zakat, laporan Kementerian Pelajaran Malaysia dan sebagainya.

Metode Analisis Data

Dalam menganalisis data, penyelidik secara umumnya menggunakan metode analisis deskriptif kualitatif iaitu dengan menilai mutu dan kesahihan data tersebut. Untuk menilai mutu dan kesahihan data ini adalah dengan menggunakan kaedah induktif. Metod ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang terhasil melalui teori-teori dan pemikiran yang ada iaitu membuat kesimpulan yang bersifat khusus.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) amat mementingkan pembangunan modal insan sebagai satu landasan kecemerlangan generasi masa hadapan terutama dari golongan asnaf. Ia lebih terfokus kepada melahirkan insan yang bersahsiah cemerlang dari segi intelektual dan juga akhlak. Maka bidang pendidikan terlihat sebagai suatu mekanisme penting dalam melahirkan modal insan yang produktif dan bebas daripada belenggu kemiskinan.

Peranan Baitulmal Dalam Pendidikan Asnaf di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Peranan baitulmal di sini adalah dengan menyalurkan bantuan-bantuan pendidikan dengan membuka peluang kepada golongan asnaf untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi. Bantuan diberikan bermula daripada peringkat sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi. Skim-skim bantuan di bawah program ini antaranya adalah:

Peringkat Sekolah

Bantuan berbentuk dermasiswa diberikan kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Ia disalurkan kepada para pelajar yang layak menerima melalui guru-guru yang dipertanggungjawabkan di setiap sekolah. Kadar bantuan yang diperuntukkan kepada para pelajar adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Kadar Peruntukan Bantuan Dermasiswa Peringkat Sekolah

Bil	Pelajar	Jumlah (RM)
1.	Darjah 1 hingga 3	RM420.00
2.	Darjah 4 hingga 6	RM540.00
3.	Tingkatan 1 hingga 3	RM600.00
4.	Tingkatan 4 hingga 5	RM900.00
5.	Tingkatan 6	RM1,200.00
6.	Kelas khas	RM600.00
7.	Sek. Ren. Agama/KAFA	Tambahan RM200.00

Sumber: Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2013

Bantuan Am Persekolahan yang disalurkan ini akan digunakan bagi membayar yuran dan keperluan persekolahan. Melalui bantuan ini, beban yang ditanggung ibu bapa dapat dikurangkan. Ia juga dapat mengelakkan anak-anak ini daripada keciciran pelajaran akibat kesempitan hidup keluarga sekaligus memberi peluang pendidikan yang sama dengan anak-anak dari keluarga yang berkemampuan.

Selain daripada itu, MAIWP melalui institusi baitulmal telah memperuntukkan Bantuan Peralatan Persekolahan bernilai hampir RM200, dalam bentuk barangan bagi setiap pelajar asnaf bagi meringankan beban keluarga mereka di peringkat awal sesi persekolahan. Melalui bantuan ini, para pelajar berkenaan akan menerima dua pasang uniform sekolah termasuk kasut, pakaian sukan, beg sekolah dan alat tulis.

MAIWP telah membelanjakan keseluruhan RM13.11 juta bagi seramai 21,397 orang pelajar menerusi skim Bantuan Am Persekolahan, manakala RM4.61 juta bagi Bantuan Peralatan Persekolahan dibelanjakan ke atas penerima seramai 20,173 orang.

Peringkat Pengajian Tinggi

Bagi mereka khususnya golongan asnaf yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi sama ada di peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Kedoktoran, MAIWP menyediakan dua bentuk skim bantuan iaitu Bantuan Am Pelajaran dan Biasiswa Baitulmal MAIWP. Skim Bantuan Am Pelajaran terbahagi kepada dua iaitu Bantuan Am Pelajaran Dalam Negara dan Bantuan Am Pelajaran Luar Negara.

Pembahagian peruntukan bagi Bantuan Am Pelajaran Dalam Negara adalah seperti jadual 2 berikut:

Jadual 2: Pembahagian Peruntukan Bagi Bantuan Am Pelajaran Dalam Negara

Bil	Jumlah Peruntukan (RM) Bagi Seorang Individu/Tahun	Peringkat
1.	Maksima RM5,000 setahun	Ijazah Falsafah Kedoktoran dan Sarjana
2.	Maksima RM4,000 setahun	Sarjana Muda
3.	Maksima RM3,000 setahun	Diploma
4.	Maksima RM1,500 setahun	Sijil

Sumber: Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2013

Manakala pembahagian peruntukan bagi Bantuan Am Pelajaran Luar Negara adalah seperti jadual 3 berikut:

Jadual 3: Pembahagian Peruntukan Zakat bagi Bantuan Am Pelajaran Luar Negara

Bil	Jumlah Peruntukan (RM) Bagi Seorang Individu/Tahun	Peringkat
1.	Maksima RM7,000 setahun	Ijazah Lanjutan Kedoktoran(PhD) dan Sarjana (universiti di semua negara)

2.	Maksima RM6,000 setahun	Sarjana Muda (semua negara kecuali Mesir terhad bagi bidang Perubatan/Pergigian sahaja)
3.	Maksima RM5,000 setahun	Sarjana Muda (di Mesir dan hanya dalam bidang Pengajian Islam sahaja)

Sumber: Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2013

Pada tahun 2013, MAIWP telah membelanjakan sebanyak RM17.82 juta bagi bantuan ini kepada seramai 6,492 orang pelajar asnaf dalam dan luar negara.

Selain Bantuan Am Pelajaran, pelajar-pelajar cemerlang turut ditaja oleh MAIWP melalui Biasiswa Baitulmal yang mana kos pengajian, penginapan dan elaun sara hidup sepanjang pengajian pelajar akan ditanggung oleh pihak MAIWP. MAIWP telah menaja seramai 139 orang pelajar yang mengikuti pengajian di institusi tinggi tempatan mahupun luar negara semenjak biasiswa ini diperkenalkan bermula pada tahun 2007.

Bantuan Persediaan IPT

Skim Bantuan Persediaan IPT diperkenalkan bertujuan membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Calon yang layak untuk memohon bantuan ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mendapat tawaran untuk menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi dan pelajar sekolah rendah atau menengah yang ditawarkan untuk menyambung pengajian di sekolah berasrama penuh. Kadar bantuan maksima yang diberikan adalah RM1,000 bagi institusi pengajian tinggi dan RM500 bagi pelajar sekolah rendah atau menengah. Mereka yang mendapat bantuan ini hanya layak menerima sekali sahaja bantuan bagi setiap peringkat pengajian.

Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB)

Institut Profesional Baitulmal telah ditubuhkan pada 23 April 1992 sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Program yang ditawarkan di institut ni terbahagi kepada dua iaitu program usahasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan program profesional.

Program Usahasama UiTM menawarkan kursus-kursus berikut:

- Pra Perdagangan
- Diploma Pengajian Perniagaan (DBS)
- Diploma Perakaunan (DIA)
- Diploma Sains Komputer (DSK)
- Diploma Sistem Maklumat Perakaunan (DAIS)

Manakala Program Profesional menawarkan:

- The London Chamber Of Commerce And Industry International Qualification (LCCI)
- Certified Accounting Technician (CAT)

Semenjak penubuhannya, IPB telah berjaya melahirkan seramai 7,496 orang graduan merangkumi pelbagai bidang akademik. Menerusi institusi ini, MAIWP telah menyalurkan bantuan kepada pelajar-pelajar IPB di bawah Skim Bantuan Pelajar IPB yang mana seramai 1,338 orang pelajar telah menerima bantuan ini dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM7.9 juta pada tahun 2013.

Statistik Agihan Zakat Pendidikan di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Baitulmal, MAIWP telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar dalam pembangunan pendidikan asnaf zakat. Jumlah peruntukan ini berbeza mengikut tahun ke tahun dan ia bergantung kepada jumlah sebenar permohonan bantuan zakat pendidikan. Institusi ini hanya akan memberikan dan membayar bantuan zakat pendidikan kepada pemohon yang berjaya dalam permohonan dengan mengisi borang permohonan yang tertentu (Farah Aida, 2012).

Menurut baitulmal MAIWP, seramai 54,860 orang penerima zakat pendidikan di bawah Program Pembangunan Pendidikan, yang melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM59.7 juta daripada RM492,011,373 jumlah pungutan zakat pada tahun 2013.

Daripada lapan bentuk skim dan bantuan zakat pendidikan kepada asnaf zakat iaitu Bantuan Am Persekolahan, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan, Bantuan Biasiswa/Insentif Khas Pelajar Cemerlang Dalam dan Luar Negara, Bantuan Persediaan IPT, Bantuan Tuisyen, Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS) dan Bantuan Pelajar IPB, pengagihan tertinggi diberikan kepada pelajar-pelajar Institut Profesional Baitulmal dengan jumlah sebanyak RM11.4 juta.

Manakala agihan terendah sebanyak RM44,059 kepada Bantuan Tuisyen (Laporan Tahunan MAIWP, 2013). Statistik dan butiran lanjut mengenai bantuan zakat pendidikan di MAIWP diringkaskan seperti dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Jadual 4: Dana Zakat Yang Diperuntukkan Bagi Zakat Pendidikan di MAIWP

Program Pembangunan	Bil	Skim Bantuan	Jumlah (RM)	Bilangan Penerima/Permohonan Diluluskan
Pendidikan	1.	Bantuan Am Persekolahan	13,110,432.00	21,397
	2.	Bantuan Am Pelajaran IPT	17,822,610.00	6,492
	3.	Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan	4,457,936.40	20,173
	4.	Bantuan Biasiswa Pelajar Cemerlang Dalam Dan Luar Negara	4,430,268.65	135
	5.	Bantuan Persediaan IPT	2,152,021.91	1,990
	6.	Bantuan Tuisyen	44,059.14	105
	7.	Bantuan Pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS)	5,457,000.00	1,992
	8.	Bantuan Pelajar IPB	11,435,462.63	2,576

Sumber: *Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2013*

Hasil kajian mendapati bahawa Baitulmal MAIWP telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menawarkan bantuan kepada asnaf melalui skim-skim bantuan seperti dalam jadual 4. Namun, kajian mendapati terdapat ruang penambahbaikan. Ini kerana masih timbul beberapa isu yang kini dihadapi oleh institusi-institusi zakat di Malaysia termasuklah MAIWP. Sebagai contoh petikan yang diambil dari artikel dalam berita internet: “Umum mengetahui bahawa kutipan zakat meningkat dari setahun ke setahun. Peningkatan jumlah zakat yang begitu banyak menyebabkan ketidakseimbangan antara jumlah yang dikutip dan jumlah yang diagih kepada asnaf. Natijahnya, berlaku lebihan dana yang tidak diagihkan.” (Malaysian Insider, 20 Disember 2013).

Di samping itu, kritikan juga telah diberi melalui artikel lain dalam akhbar perdana: “Sepatutnya dengan adanya pelbagai badan dan usaha yang disediakan kerajaan, sudah tidak timbul lagi kisah orang miskin kecikiran daripada pengetahuan pihak berwajib seperti JKM dan Jabatan Agama yang

menguruskan pemberian zakat” (Berita Harian, 1 Ogos 2013: 31). Secara perbandingan terhadap komen dan sungutan orang ramai, kurang isu yang serius dihadapi dalam aspek kutipan berbanding aspek agihan.

Maka kajian mencadangkan sebuah bentuk agihan yang baharu dengan menubuhkan sebuah institusi pendidikan asnaf yang dibiayai sepenuhnya melalui dana zakat bagi mengelakkan berlakunya keciciran pendidikan di kalangan asnaf disamping dapat memantau perkembangan pendidikan pelajar-pelajar ini.

Model Institusi Pendidikan Sepenuhnya Melalui Pembiayaan Dana Zakat

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa tiada satu model institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya menggunakan dana zakat di setiap negeri di Malaysia. Pendekatan yang diambil pada masa kini lebih bersifat agihan dana secara berterusan kepada institusi pendidikan. Inovasi ini perlu dilakukan bagi memastikan dana zakat yang disalurkan menepati objektif syariah dalam memastikan golongan asnaf tidak tercicir dalam bidang pendidikan disamping menitikberatkan aspek pemantauan pendidikan secara berterusan. Maka kajian ini mencadangkan satu bentuk penambahbaikan iaitu model institusi pendidikan berteraskan pembiayaan dana zakat sepenuhnya berpandukan kepada prosedur dan peruntukan penubuhan sebuah sekolah swasta dan kolej di Malaysia. Kerangka model yang dicadangkan adalah sebagaimana dalam rajah (1) di bawah:

Rajah 1: Model Institusi Pendidikan Melalui Pembiayaan Dana Zakat



Domain I: Pembangunan Fasiliti

Domain ini menjelaskan kerangka fizikal institusi yang dibangunkan. Ia terdiri daripada latarbelakang, konsep dan rasional penubuhan sebagai cadangan asas penubuhan. Institusi pendidikan ini ditubuhkan sepenuhnya melalui pembiayaan dana zakat. Ia ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 khusus untuk golongan asnaf yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin di seluruh Malaysia. Penubuhan institusi pendidikan ini untuk memastikan asnaf fakir dan miskin tidak tercicir dalam sistem pendidikan Malaysia. Dengan tertubuhnya institusi pendidikan ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada mereka untuk belajar dan mengubah nasib mereka pada satu hari nanti.

Lokasi yang dicadangkan adalah di Malaysia (pemilihan tempat yang strategik mengikut keperluan dan kelulusan pihak berkuasa tempatan). Pembangunan yang akan dilakukan adalah dengan meletakkan institusi tersebut di tempat yang strategik bagi memudahkan ilmu dan kemudahan yang bakal disediakan mudah untuk diperolehi. Institusi tersebut perlulah menjadi pusat bagi mengurangkan pelajar yang tidak dapat menimba ilmu pengetahuan disebabkan tidak berkemampuan. Pelajar yang berpotensi dan berwawasan perlulah didahulukan supaya pada suatu hari nanti mereka mampu mengubah hidup mereka dan mereka yang pernah mengalami nasib hidup seperti mereka.

Domain II: Modal Insan

Domain ini terdiri daripada pihak peneraju yang terlibat dengan institusi pendidikan ini iaitu pengurusan kewangan, pengurusan institusi dan pengurusan pelajar dan kakitangan akademik. Pengurusan kewangan akan mengurus kewangan institusi. Kewangan yang diperolehi dalam institusi ini adalah sepenuhnya daripada dana zakat sama ada dari pusat zakat dan Majlis Agama Islam Negeri. Namun penyumbang utama adalah daripada zakat perniagaan yang dikeluarkan oleh syarikat yang menjalankan perniagaan berlandaskan syariah seperti Institusi perbankan Islam. Usaha untuk mendapatkan dana zakat daripada luar negara juga akan dirancang dari masa ke semasa bagi memastikan institusi pendidikan ini dapat berjalan dengan lancar dan melahirkan pelajar yang berkualiti dan mampu bersaing di peringkat dunia.

Sistem yang dilaksanakan bagi pengurusan institusi pula adalah mengikut hierarki di mana Guru Besar/Pengetua adalah sebagai penaung dalam mentadbir segala hal pentadbiran dan akademik. Sistem ini akan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi dalam memperhalusi pengurusan yang lebih strategik. Manakala pengurusan pelajar merupakan pihak yang terlibat untuk mengurus pelajar daripada golongan fakir dan miskin yang mempunyai potensi dalam pendidikan dan ingin memajukan diri sendiri

dalam meningkatkan taraf hidup ekonomi. Bagi pemilihan kakitangan akademik pula, pemilihan dan lantikan akan dibuat mengikut peraturan dan kelayakan yang ditetapkan seiring dengan silibus pengajaran yang ditawarkan.

Domain III: Struktur Pengajian

Domain ini terdiri daripada empat perkara utama iaitu kursus pengajian, aktiviti pelajar, jaminan kualiti dan pengiktirafan serta pendidikan sokongan pembelajaran dan penyelidikan. Kursus pengajian yang ditawarkan berteraskan kepada Pengajian Islam Kontemporari yang melibatkan Al-Quran, Sains, teknikal dan hafazan. Bagi aktiviti pelajar, institusi ini turut mengadakan aktiviti ko-kurikulum dalam bentuk riadah dan rekreasi. Segala kemudahan dalam bersukan turut disediakan supaya mereka dapat melakukan aktiviti tersebut dengan baik. Selain itu, institusi ini juga terlibat dengan kesatuan seperti Kelab Silat dan Kelab Kompang. Persatuan kadet juga wujud dalam institusi ini seperti Persatuan Bulan Sabit Merah dan Persatuan Puteri Islam.

Institusi ini akan mewujudkan satu sistem jaminan kualiti dan pengiktirafan melalui proses audit dalam membuat pemfailan data pelajar untuk menunjukkan statistik peningkatan pembelajaran setiap pelajar. Penyusunan pentadbiran yang dilakukan perlulah sistematik supaya pelajar sentiasa di dalam pemantauan yang baik dalam menjana tenaga muda yang berkemampuan dalam mentadbir negara. Kualiti pembelajaran yang ditawarkan perlulah mengikut silibus yang telah ditetapkan dan diselaraskan dengan institusi-institusi yang lain.

Tenaga pengajar yang dilantik adalah dikalangan yang terlatih dan mempunyai pensijilan dalam pendidikan. Calon pelajar yang dipilih adalah antara yang layak menerima bantuan dalam dana zakat terutamanya fakir dan miskin. Terdapat juga pusat sumber, perpustakaan dan perkhidmatan penyelidikan bagi memudahkan pelajar dalam menambahkan pengetahuan mereka. Prasarana yang disediakan lengkap dengan segala peralatan pembelajaran mengikut keperluan pembelajaran semasa.

PENUTUP

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa Baitulmal MAIWP memainkan peranan kelas pertama dalam memastikan pendidikan asnaf terjamin dengan mengambil pelbagai inisiatif dan pendekatan dalam menawarkan bantuan kepada asnaf melalui skim-skim bantuan pendidikan. Namun tidak mustahil, dengan jumlah kutipan zakat yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun, pihak MAIWP dapat bekerjasama dalam merealisasikan penubuhan sebuah institusi pendidikan yang beroperasi sepenuhnya melalui pembiayaan dana zakat sebagai sebuah

inovasi baru dalam sistem pengagihan zakat yang lebih cekap. Menerusi model institusi ini, peranan baitulmal MAIWP dalam mengagihkan bantuan pendidikan kepada asnaf dapat diperkembangkan apabila agihan dapat disalurkan dengan lebih efektif dan menyeluruh kepada semua asnaf zakat dan secara tidak langsung dapat menangani masalah keciciran dalam pelajaran dan juga masalah-masalah lain yang berkaitan dengan pendidikan asnaf seperti beban pembayaran yuran persekolahan dan pelajaran di pelbagai peringkat sama ada dari sekolah rendah, menengah mahupun di peringkat pengajian tinggi.

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) kerana telah meluluskan dan membiayai sepenuhnya kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Kod Penyelidikan: USIM/FRGS-FSU-32-51413.

RUJUKAN

- Farah Aida Ahmad Nadzri. (2012). 'Zakat and Poverty Alleviation: Roles of Zakat Institutions in Malaysia'. *International Journal of Arts and Commerce*. Vol. 1, no. 7, December 2012. pp. 61-72. <http://www.ijac.org.uk/images/frontImages/gallery/Vol1no7december2012/7.pdf> (Diakses pada 18 Jun 2015)
- Hailani Muji Tahir. (2007). *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara*. Penerbit UKM: Bangi. ISBN 978-967-942-824-7 (kulit lembut).. <http://www.ukm.my/penerbit/f824-7.htm> (Diakses pada 18 Jun 2015)
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader. (2010). 'Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf : Kajian di Malaysia'. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 4, no. 1, pp. 141-166.
- Laporan Tahunan Zakat Kuala Lumpur. (2013). <http://www.maiwp.gov.my/i/> (Diakses pada 19 Jun 2015)
- Merriam, S.B. & Associates. (2002). *Qualitative Research in Practice: Examples for Discussion and Analysis*, 2002.
- Mohammed B. Yusoff. (2011). 'Zakat Expenditure, School Enrollment, and Economic Growth in Malaysia'. *International Journal of Business and Social Sciences*. Vol. 2, no. 6. April 2011. pp. 175-181. http://www.ijbssnet.com/journals/Vol._2_No._6%3B_April_2011/19.pdf
- Muhammad Syukri Salleh. (2014). 'Organizational and Definitional Reconfiguration of Zakat Management'. *International Journal of Education and Research*. Vol. 2, no. 5, May 2014. pp. 61-70. <http://www.ijern.com/journal/May-2014/06.pdf> (Diakses pada 18 Jun 2015)

Perlaksanaan Zakat Di Wilayah Persekutuan: Satu Pemerhatian Terhadap Operasi Kutipan & Agihan Zakat. <http://www.ukm.my/jhadhari/makalah/V6n22014/6.2.g.pdf> (Diakses pada 20 Jun 2015)

Ram Al Jaffri Saad. (2013). *Dana zakat dan Melayu Islam muflis*. Malaysian Insider, 20 Disember 2013. <http://www.themalaysianinsider.com/rencana/article/dana-zakat-dan-melayu-islam-muflis-ram-al-jaffrisaad>

Rejal Arbee. (2013). *Tidak harus ada fakir miskin keciciran bantuan*. Berita Harian, 1 Ogos 2013: 31

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.